

26 NOV 1999

PERSATUAN ALUMNI AKAUNTAN SOKONG BARISAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Persatuan Alumni Akauntan Internasional - cawangan Malaysia hari ini menyatakan sokongan penuh kepada Barisan Nasional di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pilihan raya umum ini.

Sokongan itu dinyatakan dalam sepucuk surat yang dikirimkan kepada Dr Mahathir. Salinan surat itu dihantar kepada Bernama di sini melalui faksimili.

Setiausaha kehormat persatuan itu, Arazmi Yusof berkata persatuan tersebut yakin bahawa di bawah kepimpinan Dr Mahathir, Malaysia dapat terus maju bukan sahaja di bidang ekonomi tetapi juga bidang lain seperti sosial dan keagamaan.

"Kami berharap BN akan diberi mandat sekali lagi dalam pilihan raya akan datang untuk meneruskan pemerintahan. Kami akan terus menyokong bahawa agama Islam merupakan agama rasmi negara ini di samping keutuhan kebebasan beragama untuk rakyat bukan beragama Islam," katanya.

Surat kepada Dr Mahathir itu turut disertai dengan tandatangan ahli-ahli, graduan dan pelajar Association of International Accountants (UK).

-- BERNAMA

RV FAZ